



Indeks Perdagangan Luar Negeri Ogos 2025

NILAI (RM BILION)

Eksport

JUL '25 140.1
OGOS '25P 131.6 ▼ 6.0%

Import

JUL '25 125.5
OGOS '25P 115.5 ▼ 8.0%

Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

TERMA PERDAGANGAN

▲ 1.2%

▲ 2.1%
Minyak Galian

▲ 1.3%
Minyak & Lemak Binatang & Sayur-sayuran

▲ 0.7%
Alat Jentera & Kelengkapan Pengangkutan

Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

EKSPORT

Indeks Nilai Seunit ▲ 1.0%

▲ 2.4%

▲ 0.9%

▲ 0.6%

Minyak & Lemak Binatang & Sayur-sayuran

Minyak Galian

Alat Jentera & Kelengkapan Pengangkutan

Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

Indeks Volum ▼ 6.9%

Barang-barang Keluaran Kilang ▼ 12.3%

Alat Jentera & Kelengkapan Pengangkutan ▼ 11.5%

Makanan ▼ 7.4%

Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

IMPORT

Indeks Nilai Seunit ▼ 0.2%

▼ 1.2%

▼ 0.4%

▼ 0.3%

Minyak Galian

Bahan Kimia

Barang-barang Keluaran Kilang

Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

Indeks Volum ▼ 7.8%

Minyak Galian ▼ 16.4%


Pelbagai Barang Keluaran Kilang ▼ 9.2%

Alat Jentera & Kelengkapan Pengangkutan ▼ 8.8%

Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

Sumber: Indeks Perdagangan Luar Negeri Ogos 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia

PERATUS PERUBAHAN BULAN KE BULAN BAGI INDEKS NILAI SEUNIT EKSPORT DAN IMPORT



Indeks Nilai Seunit Eksport meningkat 1.0 peratus kepada 152.9 mata pada Ogos 2025.

- **Indeks nilai seunit eksport** meningkat 1.0 peratus pada Ogos 2025 berbanding bulan sebelumnya. Kenaikan ini disumbangkan oleh peningkatan dalam indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+2.4%), minyak galian (+0.9%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.6%). Namun begitu, **indeks volum eksport** jatuh 6.9 peratus selaras dengan penurunan dalam indeks barang-barang keluaran kilang (-12.3%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-11.5%) dan makanan (-7.4%). **Indeks volum eksport pelarasan bermusim** juga turut jatuh 6.9 peratus daripada 174.9 mata kepada 162.8 mata. Merujuk kepada **perbandingan tahunan**, kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum eksport meningkat 1.7 peratus dan 1.2 peratus.
- **Indeks nilai seunit import** merosot 0.2 peratus pada Ogos 2025, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks minyak galian (-1.2%), bahan kimia (-0.4%) dan barang-barang keluaran kilang (-0.3%). Tambahan pula, **indeks volum import** juga turut jatuh 7.8 peratus pada Ogos 2025 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks minyak galian (-16.4%), pelbagai barang keluaran kilang (-9.2%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-8.8%). **Indeks volum import pelarasan bermusim** juga turut berkurang 7.2 peratus daripada 221.8 mata kepada 205.8 mata. **Perbandingan tahun ke tahun** menunjukkan kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum import menurun 3.7 peratus dan 2.3 peratus.
- **Terma perdagangan** Malaysia meningkat 1.2 peratus bulan ke bulan kepada 122.5 mata pada Ogos 2025, didorong oleh peningkatan dalam indeks minyak galian (+2.1%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+1.3%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.7%). Tambahan pula, **terma perdagangan** Malaysia tahun ke tahun bertambah 5.6 peratus daripada 116.0 mata pada Ogos tahun lalu.

